


BAB LIMA



BAB V

PENUTUP

1.0 KESIMPULAN

Setelah membentang, menghuraikan dan menganalisis data-data yang diperolehi dalam laporan kajian penyelidikan, penulis membuat beberapa hipotesis untuk dijadikan kesimpulan dalam bab terakhir ini. Antara kesimpulan yang dapat dirumuskan adalah seperti berikut :-

1.1 Sejarah Kedatangan Islam

Islam masuk ke Keningau melalui usaha para pendakwah dari luar. Dato Arif Mohd Salleh berasal dari Banjarmasin, Sumatera. Haji Ruslan Juman berasal dari Ranau. Begitu juga Haji Karno Dambuai. Kegigihan para pendakwah menyebarkan ajaran Islam, bermula dengan mengadakan pengajian fardhu ain dan kifayah kepada penduduk tempatan. Kepercayaan Pagan iaitu kepercayaan masyarakat tempatan kepada kuasa *superlative* atau kuasa ghaib, berubah kepada mentauhidkan Allah SWT.

1.2 Perkembangan Dakwah

Pergerakan dakwah Islam di Keningau amat perlahan berbanding usaha mubaligh Kristian menyebarkan ajaran mereka, terutama sewaktu pendudukan semula British ke Borneo selepas Perang Dunia Kedua. Bukti yang paling jelas ialah bilangan gereja yang terlalu banyak berbanding masjid atau surau untuk kegunaan umat Islam. Namun begitu, tidak bermakna Islam terus pudar dan tenggelam dalam kepesatan agama Kristian ini.

Islam yang berkembang secara evolusi ini bukan sahaja dianuti oleh masyarakat tempatan di bandar, malah tersebar juga di daerah pedalaman seperti daerah Kecil Sook, Batu Lunguan dan Tulid. Kampung Sinulihan umpamanya, merupakan satu-satunya kampung yang mempunyai masjid di daerah pedalaman tersebut.

1.3 Kekangan Dakwah

Suatu yang amat menyedihkan apabila penduduk Islam di daerah pedalaman tidak mendapat pendedahan Islam yang sewajarnya. Masalah perhubungan dan kemudahan asas, merupakan kekangan dakwah daripada terus tersebar ke kawasan-kawasan pedalaman.

Kedudukan kampung-kampung yang jauh dan terpencil, tidak menerima gelombang pemancar televisyen atau telefon, menyebabkan tidak ada penyaluran maklumat melalui media elektronik dan media cetak yang sepatutnya dapat memudah dan memperluas penyebaran Islam.

Kurang pengetahuan tentang ajaran Islam menyebabkan penduduk-penduduk Islam di daerah pedalaman ini kurang penghayatan Islam yang sebenar. Walaupun Islam masuk ke Keningau selepas Perang Dunia Kedua iaitu kira-kira tahun 1946, namun adat, pantang larang dan budaya masyarakat tempatan tidak terhapus atau hilang begitu sahaja, terutama di kalangan masyarakat bumiputera Kadazandusun.

1.4 Institusi Kekeluargaan Kadazandusun

Meninjau institusi kekeluargaan masyarakat Kadazandusun di Keningau, mereka mempunyai bilangan ahli keluarga yang besar. Keutuhan dan keakraban ahli keluarga ini dapat dilihat melalui jadual 4.1 yang lalu. Ahli keluarga yang tinggal bersama responden bukan sahaja terdiri daripada ibu dan bapa, malah juga datuk, nenek, mertua, adik beradik, anak saudara dan ipar.

Struktur keluarga masyarakat ini diketuai oleh seorang lelaki, sama ada lelaki itu berperanan sebagai bapa atau suami. Ketua keluarga bertanggungjawab menyara ahli keluarga, menjaga keselamatan dan memelihara maruah keluarga. Ianya selaras dengan tuntutan Islam yang meletakkan lelaki itu sebagai ketua bagi golongan perempuan.

Islam juga menjelaskan bahawa setiap anggota keluarga mempunyai tanggungjawab yang perlu dilaksanakan. Dalam menilai kefahaman responden mengenai tanggungjawab ahli keluarga menurut perspektif Islam, penulis mengemukakan tiga soalan. Soalan pertama ialah, tanggungjawab responden sebagai ahli keluarga menurut perspektif Islam. Soalan kedua, tanggungjawab sebagai suami atau isteri menurut pandangan Islam. Soalan ketiga menyentuh peranan setiap ahli keluarga sebagai pemimpin yang memimpin anggota di bawah jagaannya.

Hasil daripada ketiga-tiga soalan tersebut, penulis mendapati ada perbezaan di antara dua buah sampel kajian. Responden yang tinggal di kawasan majoriti penduduk beragama Islam lebih memahami akan tanggungjawab yang perlu dilaksanakan berbanding dengan responden yang tinggal di kawasan minoriti penduduk beragama Islam.

Berdasarkan data yang dinyatakan dalam jadual 4.3, 4.4 dan 4.5, responden yang tinggal di kawasan majoriti penduduk beragama Islam lebih banyak memberikan jawapan faham berbanding dengan jawapan kurang faham dan tidak faham. Berbeza dengan jawapan responden yang tinggal di kawasan minoriti penduduk beragama Islam, jawapan faham yang diterima adalah sekitar 20 hingga 23 peratus berbanding dengan jawapan kurang faham dan tidak faham.

Justeru, dapat disimpulkan bahawa masyarakat Kadazandusun Islam yang tinggal di kawasan majoriti penduduk beragama Islam, lebih memahami peranan dan tanggungjawab sebagai anggota keluarga menurut perspektif Islam, berbanding dengan masyarakat Kadazandusun Islam yang tinggal di kawasan minoriti penduduk beragama Islam.

1.5 Kesan Kedatangan Islam Dalam Budaya Perkahwinan Kadazandusun

Perubahan tetap berlaku dalam budaya kehidupan masyarakat Kadazandusun yang beragama Islam. Namun, perubahan tidak berlaku secara menyeluruh. Bahkan segala adat, pantang larang dan budaya diasimilasikan dengan ajaran Islam. Agama dijunjung, budaya dikendong. Suatu yang amat menarik dalam budaya kehidupan masyarakat Kadazandusun.

Meninjau budaya perkahwinan masyarakat bumiputera Kadazandusun ini, mereka juga mempunyai protokol-protokol perkahwinan yang sama dengan protokol perkahwinan menurut Islam. Bermula dengan memilih jodoh, meminang, nikah hinggalah kenduri, kesan dan pengaruh Islam dapat dilihat.

Suatu masa dahulu, memilih jodoh menurut budaya masyarakat Kadazandusun adalah ditentukan oleh keluarga. Anak, lebih-lebih lagi anak perempuan tidak mempunyai hak untuk membantah pilihan ibu bapa. Islam memberi hak kepada setiap individu untuk memilih jodohnya. Bahkan lebih utama mendapatkan persetujuan daripada anak perempuan yang masih gadis, untuk menerima bakal suami pilihan bapanya.

Terdapat perubahan budaya dalam pemilihan jodoh di kalangan masyarakat Kadazandusun Islam. Kebanyakan responden yang ditemui memilih jodoh pilihannya sendiri. Walaupun terdapat sebahagian responden yang menerima jodoh pilihan keluarga terutama di kawasan yang mempunyai penduduk beragama Islam yang sedikit.

Kesan dan pengaruh Islam dalam budaya pemilihan jodoh ini dapat dilihat pada ciri-ciri jodoh yang dipilih. Islam menggariskan empat ciri untuk memilih jodoh iaitu, kecantikan, harta, keturunan dan agama.

Agama merupakan ciri utama yang disarankan oleh agama. Hasil daripada kajian yang dilakukan, kebanyakan responden menyedari betapa pentingnya memilih agama sebagai ciri utama pasangan hidup. Kesemua responden dari sampel kajian pertama memilih agama sebagai ciri pertama. Begitu juga dengan 90 peratus responden dari sampel kajian kedua. Terdapat juga responden yang memilih kecantikan, keturunan dan harta, sebagai ciri pilihan sampingan, tetapi bilangannya adalah sedikit.

Islam tidak melarang umatnya melihat calon isteri atau calon suami yang dipilih. Bahkan, harus melihat bakal pasangan kerana tidak mahu timbul penyesalan setelah berkahwin. Kebanyakan responden yang ditemui, telah melihat pasangan mereka sebelum bernikah.

Walaupun Islam membenarkan seorang lelaki melihat calon isterinya, begitu juga sebaliknya, terdapat beberapa syarat yang ditetapkan. Dilarang dan diharamkan bagi seorang lelaki dan perempuan berdua-duaan untuk tujuan tersebut. Malah, Islam membataskan seorang lelaki melihat anggota muka dan tapak tangan perempuan yang ingin dikahwini. 78 peratus responden yang ditemui dalam kawasan majoriti penduduk beragama Islam, mengetahui kadar anggota yang dibenarkan oleh Islam untuk melihat pasangan.-

Hanya 44 peratus responden yang tinggal di kampung minoriti penduduk Islam, mengetahuinya. Ini bermakna, tidak ramai masyarakat Kadazandusun, Islam yang tinggal di kawasan minoriti penduduk Islam, mengetahui kadar anggota melihat pasangan perempuan sebelum berkahwin.

Menyentuh konsep *kafaah*, responden yang tinggal di kawasan minoriti penduduk beragama Islam, kurang memahaminya berbanding dengan responden yang tinggal di kawasan majoriti penduduk beragama Islam. Sebanyak 65 peratus responden dalam sampel kajian kedua tidak memahami konsep kafaah ini berbanding dengan 21 peratus responden dalam sampel kajian pertama.

Tegasnya, masyarakat sekeliling memainkan peranan yang penting dalam meneruskan kesinambungan dakwah dan memberi kefahaman Islam yang sebenar. Perkahwinan merupakan asas penting dalam membentuk institusi keluarga. Bagi masyarakat Kadazandusun perkahwinan perlu dimulai dengan adat yang diwarisi daripada generasi terdahulu. *Momohaboi* atau merisik perlu dilakukan sebelum meminang.

Hasil maklumat yang diperolehi daripada responden , *momohaboi* masih lagi diamalkan mengikut adat masyarakat ini. Sebanyak 60 hingga 66 peratus responden dalam sampel kajian meneruskan adat ini. Begitu juga dengan pertunangan, 80 hingga 96 peratus responden bertunang mengikut adat.

Pertunangan mengikut adat ini dapat dilihat melalui *berian* atau hantaran yang disediakan. Kebiasaannya, masyarakat Kadazandusun menyediakan *berian* seperti lembu atau kerbau, wang, set gong, beras, *kirai daun* (daun nipah), *sigup* (tembakau), *tajau* (tempayan kecil), *gagamas* (parang pendek) dan sireh. Masih terdapat sebilangan responden yang menjadikan sebahagian barang-barang tersebut sebagai *berian*. Lembu atau kerbau menjadi pilihan utama selain wang. Ini ditunjukkan dalam jadual 4.15.

Terdapat beberapa adat dalam pertunangan yang tidak diteruskan oleh sebilangan masyarakat ini terutamanya bagi masyarakat Kadazandusun Islam yang mendiami perkampungan majoriti penduduk Islam. Antaranya termasuk adat mengganda dan memulangkan *berian* sekiranya pertunangan diputuskan oleh pihak perempuan, membuat surat perjanjian dan belanja bulanan yang diberikan oleh pihak lelaki kepada perempuan.

Namun bagi responden yang tinggal di kawasan minoriti penduduk Islam, ketiga-tiga adat tersebut masih diamalkan. Ini menunjukkan masyarakat Kadazandusun Islam yang tinggal di kawasan minoriti penduduk beragama Islam masih meneruskan adat tradisi mereka.

Masih terdapat sebilangan masyarakat Kadazandusun Islam yang mematuhi pantang larang sepanjang tempoh pertunangan. Hasil kajian mendapati 80 hingga 86 peratus responden mematuhi pantang larang sepanjang tempoh pertunangan sama ada dalam sampel kajian pertama atau dalam sampel kajian kedua.

Nikah kahwin masyarakat Kadazandusun Islam di Keningau tidak jauh beza dengan nikah kahwin menurut Islam. Segala rukun nikah perlu dipatuhi. Pengaruh budaya masyarakat Kadazandusun masih terdapat dalam perkahwinan sebilangan responden terutama dari segi pakaian yang dipakai oleh pasangan pengantin semasa majlis perkahwinan. Masih terdapat sebilangan responden memakai pakaian tradisional Kadazandusun dan songket, walaupun peratusnya kecil iaitu sekitar 7 hingga 20 peratus.

Majlis perkahwinan mengikut adat lebih banyak dilakukan oleh responden yang mendiami kawasan perkampungan minoriti berbanding dengan responden yang tinggal di kawasan perkampungan majoriti penduduk Islam. Hanya 11 peratus responden yang berkahwin mengikut adat dalam sampel kajian pertama berbanding 74 peratus dalam sampel kajian kedua.

Persandingan, mandi bedak dan mandi langir merupakan antara adat yang masih diteruskan terutama oleh responden yang tinggal di kawasan perkampungan minoriti Islam. Antara 51 hingga 56 peratus responden yang ditemui dalam sampel berkenaan meneruskan adat tersebut. Sebaliknya hanya 13 hingga 29 peratus responden dalam sampel majoriti penduduk Islam meneruskan adat tersebut.

Kenduri masyarakat Kadazandusun ini juga masih dipengaruhi adat, terutama bagi responden di kawasan perkampungan minoriti. Minum tapai atau sejenis arak buatan tradisional, merupakan budaya dalam setiap perayaan. Hasil kajian mendapati, hanya tiga orang responden yang tinggal di kawasan minoriti penduduk Islam menyediakan minuman tapai dalam kenduri perkahwinan mereka.

Hiburan yang diadakan dalam kenduri bertujuan untuk memeriahkan majlis perkahwinan. Bagi masyarakat Kadazandusun, hiburan muzik, tradisional seperti gong, paluan gendang dan kulintangan adalah perkara biasa. Diikuti tarian tradisional iaitu tarian Sumazau. Pengaruh muzik dan tarian moden juga meresapi budaya masyarakat ini.

Bagi sebahagian masyarakat Kadazandusun yang beragama Islam, muzik dan tarian sama ada tradisional mahupun moden, tidak dikekalkan dalam majlis perkahwinan. Jadual 4.26 menunjukkan 76 peratus responden yang tinggal di kawasan majoriti penduduk beragama Islam, tidak mengadakan sebarang unsur hiburan dalam majlis perkahwinan mereka. Hanya 23 peratus yang mengekalkan muzik tradisional dan 4 peratus mengekalkan hiburan tarian Sumazau.

Bagi responden yang mendiami kawasan minoriti penduduk beragama Islam, mereka tidak dapat lari daripada menyelitkan unsur hiburan dalam majlis perkahwinan mereka. 59 peratus daripada mereka mengekalkan hiburan muzik tradisional dan 18 peratus mengadakan hiburan tarian Sumazau.

Satu adat yang paling dinanti-nanti dalam sesebuah majlis kenduri ialah acara kemuncak. Pada kebiasaannya acara kemuncak dalam perkahwinan masyarakat Kadazandusun ialah makan beradap, memotong kek dan menari bersama pasangan.

Bagi responden yang tinggal di kawasan majoriti penduduk beragama Islam, tidak ramai yang mengadakan acara kemuncak dalam majlis perkahwinan mereka. Hanya 19 peratus pasangan pengantin memotong kek sebagai acara kemuncak, 8 peratus memotong kek dan 2 peratus yang menari. Berbeza dengan suasana di perkampungan minoriti penduduk beragama Islam. Hanya 22 peratus responden sahaja yang tidak mengadakan sebarang acara kemuncak. 37 peratus responden makan beradap, 16 peratus memotong kek dan 25 peratus menari sebagai acara kemuncak majlis perkahwinan mereka.

Hampir setiap data menunjukkan responden yang tinggal di kawasan minoriti penduduk beragama Islam, masih mengekalkan adat tradisi Kadazandusun dalam budaya perkahwinan mereka. Kesan dan pengaruh Islam hanya dapat dilihat dengan jelas di kawasan perkampungan majoriti penduduk beragama Islam.

2.0 SARANAN

Berdasarkan kesimpulan lalu, beberapa saranan perlu dikemukakan untuk memantapkan kefahaman dan pengamalan Islam di kalangan masyarakat bumiputera Kadazandusun. Bagi memastikan budaya Islam diaplikasikan dalam kehidupan, adalah wajar pihak-pihak tertentu mengaktifkan peranan dan mempertingkatkan usaha dakwah kepada masyarakat bumiputera Kadazandusun.

2.1 Peranan Institusi di Keningau

Institusi kerajaan seperti JHEAINS Bahagian Pedalaman Atas dan PLDK, mahupun institusi bukan kerajaan seperti USIA, perlu memperbanyakkan kegiatan yang melibatkan masyarakat tempatan. Seminar, kursus dan kem latihan dakwah adalah sebahagian daripada aktiviti yang boleh melibatkan masyarakat umum.

2.1 Kelas-kelas Fardhu Ain

Kelas-kelas fardhu ain hendaklah diperluaskan ke kampung-kampung di kawasan pedalaman, khususnya di kawasan minoriti penduduk beragama Islam.

Pengambilan tenaga pelatih yang berwibawa dan berkemampuan untuk melaksanakan tugas dakwah merupakan kriteria utama dalam pemilihan pegawai-pegawai yang dilantik Jawatan Pegawai Pembangunan Islam perlu diperbanyakkan lagi.

2.3 Peranan Masjid

Masjid-masjid perlu dihidupkan dengan kelas-kelas pengajian, sayarahan-syarahan agama, sambutan hari kebesaran Islam seperti Ma'al Hijrah, Maulidur Rasul, Isra' Mikraj dan Nuzul Qur'an sebagai daya tarikan kepada masyarakat tempatan untuk mengimarahkan masjid. Melaluinya, secara tidak langsung ilmu tentang kefahaman Islam dapat disampaikan. Serampang dua mata ini merupakan cara yang paling berkesan untuk mendekati masyarakat tempatan yang dahagakan ilmu.

Perlantikan Imam dan pegawai-pegawai masjid perlulah dinilai berdasarkan ilmu dan kemampuan mereka mendekati masyarakat. Kursus dan latihan yang secukupnya perlu diberikan secara berkala agar mereka dapat melaksanakan tugas sebagai pentadbir masjid yang berkesan sekaligus melaksanakan tugas mereka sebagai pendakwah.

2.4 Pembinaan Kemudahan Untuk Penduduk Islam

Pembinaan masjid dan surau perlu diperbanyakkan lagi terutama di kawasan penduduk yang mempunyai bilangan penganut Islam yang ramai. Kemudahan infrastruktur bagi penduduk beragama Islam ini penting untuk memastikan kebajikan mereka dijaga. Sekolah-sekolah rendah agama perlu diperbanyakkan. Manakala sekolah menengah agama perlu diwujudkan di daerah ini memandangkan sekolah agama menengah yang berhampiran adalah di daerah lain. Kelas-kelas Bahasa Arab yang diwujudkan di sekolah-sekolah menengah kebangsaan tidak memadai memandangkan bilangan penganut Islam yang semakin bertambah. Pengajian agama di peringkat kanak-kanak atau tadika Islam perlu dikemaskinikan. Pihak yang bertanggungjawab perlu memastikan kurikulum pembelajarannya memenuhi kehendak dan keperluan masyarakat Islam tempatan.

Paling utama, JHEAINS perlu mengemaskinikan pentadbirannya, kerana peranannya sebagai institusi terpenting yang menjaga kebajikan dan hal ehwal umat Islam, perlu dikemaskinikan pentadbirannya. Amat menyedihkan apabila jabatan tidak mempunyai bangunan pentadbirannya sendiri. Adalah wajar sebuah bangunan didirikan supaya kerja-kerja yang berkaitan dengan dakwah Islam serta pembangunan masyarakat Islam di Keningau lebih terancang dan efisien.